


Headline **Ibu Tiga Anak Pengusaha Cendawan**
Date **21. Mar 2008**
Media Title **Utusan Malaysia**
Section **Supplement**
Circulation **238082**
Readership **833287**

Language **MALAY**
Page No **2,3**
Article Size **1616 cm²**
Frequency **Daily**
Color **Full Color**



RUMAH cendawan yang bersih dan dingin amat sesuai bagi usahawan wanita.

Gambar ZAINI HUSIN



Ibu tiga anak pengusaha cendawan

Oleh KHAIRUNNISA SULAIMAN

PELUANG Skim Pemberhentian Sukarela (VSS) yang ditawarkan oleh majikan tempatnya bekerja tidak dibikar begitu saja.

Melihat anak-anak yang semakin meningkat remaja dan memerlukan lebih perhatian menyebabkan Zainon Ariffin, 46, tidak berfikir dua kali.

Selain menghabiskan masa memantau anak-anak di rumah, bekas penolong pengurus perkhidmatan pelanggan ini mula mengintai peluang perniagaan yang ada dengan mencuebi projek menanam cendawan.

Walaupun menjalankan kerja-kerja menanam cendawan, beliau masih boleh menghantar dan menjemput anak ke sekolah serta melakukan kerja rumah.

Berasal dari keluarga peniaga, Zainon mula menjinak-jinakan diri dengan menanam cendawan sebaik menerima tawaran VSS empat tahun lalu.

Tidak seperti orang lain, Zainon telah mendapatkan kontrak membekalkan cendawan daripada CIMA Agro sebelum memulakan penanaman.

Memulakan penanaman cendawan tanpa sebarang pinjaman daripada mana-mana agensi kerajaan, Zainon menggunakan duit simpanan semasa bekerja.

"Selaras mendapat kontrak barulah saya mula mempelajari bagaimana menanam cendawan daripada 'tok guru' saya Normah Ibrahim dari Jabatan Pertanian.

"Selaras itu saya juga mempelajari kaedah menanam cendawan daripada CIMA Agro, Universiti Putra Malaysia (UPM) di bawah program siswazah menganggur dan penanam cendawan lain," katanya semasa ditemui di ladangnya di Kampung Sekolah, Batang Kali, Selangor.

Menanam cendawan kata Zainon, tidak boleh dikatakan mudah kerana ia memerlukan kawasan yang bersih, sejuk dan jauh daripada pencemaran.

"Bagaimanapun tanaman ini diprogram supaya kita boleh mendapat hasil pada masa yang ditetapkan," katanya yang sehingga kini masih tidak memohon sebarang pinjaman daripada mana-mana agensi kewangan.

Mempunyai dua orang pekerja

ZAINON ARIFFIN menunjukkan cendawan tiram kelabu yang sedia untuk dijual.

Headline Ibu Tiga Anak Pengusaha Cendawan
Date 21. Mar 2008
Media Title Utusan Malaysia



SEORANG pekerja memeriksa polibeg yang telah disuntik dengan benih cendawan.

sambilan dan dibantu oleh ahli keluarga, Zainon memulakan tugas seawal lapan pagi.

Tugas mengisi media (campuran habuk kayu, dedak dan sebagainya untuk cendawan membika) ke dalam polibeg dilakukan oleh pekerja sambilan yang mahir dan dapat mengisi media dalam 1,000 beg sehari.

"Sebelum itu saya, suami dan anak sulung akan menyediakan bahan-bahan untuk campuran media berkenaan," katanya.

Selepas polibeg diisi dengan media, ia akan dikukus selama lapan jam bagi membunuh semua organisme mikro yang boleh menyebabkan pencemaran.

Proses mengukus polibeg banyak dibantu oleh bapanya yang amat menggalakkan Zainon menanam cendawan sejak awal lagi.

Polibeg berkenaan kemudian disejukkan sebelum disuntik dengan benih cendawan yang dibeli daripada pembekal.

"Masalah timbul apabila saya tidak mendapat benih yang sesuai bagi menghasilkan cendawan dengan saiz yang diperlukan di pasaran.

"Biasanya tugas menyuntik benih cendawan saya serahkan kepada anak bongsu saya yang sekarang ini amat mahir melakukannya," kata ibu kepada tiga orang anak ini.

Zainon berkata, setiap seorang anaknya walaupun masih bersekolah menengah telah diajar berjinak-jinak dengan industri cendawan.

"Ini salah satu cara kami dapat melakukan aktiviti bersama-sama sambil mengeratkan hubungan keluarga kerana menanam cendawan bukanlah satu tugas yang berat," katanya.

Pada masa yang sama Zainon yang juga banyak menerima khidmat nasihat dan bimbingan serta merupakan projek contoh Perintis Agrotech Centre yang sering memberikan kursus berkaitan pertanian.

Buat masa ini Zainon mempunyai tiga buah rumah cendawan yang boleh memuatkan sehingga 12,000 polibeg setiap satu.

Tidak mahu hanya bergantung kepada pembekal benih cendawan, Zainon bercadang menghasilkan benih sendiri.

Minatnya terhadap cendawan membawanya ke sehingga ke selatan Thailand untuk melihat sendiri ladang cendawan dan menimba ilmu di sana.

"Saya akan berusaha mendalami ilmu penanaman cendawan bagi memperbaiki kaedah yang ada sekarang," katanya.

Beliau



TUGASAN mengisi media ke dalam polibeg dilakukan oleh pekerja yang mahir.

kini dalam usaha mendirikan makmalnya sendiri bagi mengeluarkan benih cendawan selewatnya pertengahan tahun ini.

Selain itu, Zainon juga sedang menyediakan tempat latihan bagi mereka yang berminat dengan penanaman cendawan.

"Penanaman cendawan bukanlah sesuatu yang mudah dan mereka yang berminat perlu mempunyai pengetahuan mengenainya," katanya.

Berfikiran jauh, Zainon telah memikirkan mengenai lambakan cendawan di pasaran, beliau telah mula mengambil beberapa langkah untuk mengatasinya.

Bekerjasama dengan beberapa orang anak muda yang juga saudaranya, Zainon telah memasarkan produk hiliran cendawan secara kecil-kecilan.

Buat masa ini kami telah menghasilkan begedil, popia inti cendawan, serunding, pau berinti cendawan dan tempura yang mendapat pasaran yang menggalakkan di sekitar bandar Kelang, Selangor.

"Apabila industri hiliran mendapat sambutan yang menggalakkan saya bercadang menambah tiga lagi rumah cendawan tahun ini," katanya yang mendapat geran Groombig dari SIRIM bagi pelabelan dan pembungkusan.

Bagi mereka yang ingin mengetahui lebih lanjut mengenai industri cendawan boleh menghubungi Zainon di 013-341 8202.



CENDAWAN boleh dijadikan pelbagai jenis juadah seperti (dari atas) tempura, popiah, begedil dan serunding.

